



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PENGENDALIAN KES-KES PELANJUTAN REMAN DI BAWAH SEKSYEN 259  
KANUN TATACARA JENAYAH [AKTA 593] MELALUI KAEDAH SIDANG VIDEO**

Berikutan dengan kes penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat, terdapat permohonan daripada pihak penjara agar pelanjutan reman di bawah Seksyen 259 Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] tidak dibuat di sesetengah penjara. Sehubungan itu, YAA Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat telah bersetuju dan mengarahkan agar kes-kes pelanjutan reman di bawah Seksyen 259 Akta 593 boleh dijalankan melalui kaedah sidang video (*video conferencing*) sekiranya terdapat permohonan oleh pihak penjara dan situasi semasa tidak mewajarkan pelanjutan reman tersebut dilakukan secara bersemuka.

Sepanjang prosiding secara sidang video tersebut, hak Orang Kena Tuduh (OKT) akan sentiasa dipastikan terpelihara dan pihak Mahkamah akan menjalankan prosiding mengikut tatacara yang telah ditetapkan. Pengendalian kes-kes pelanjutan reman secara sidang video ini diharap dapat memastikan akses kepada keadilan (*access to justice*) dan kesinambungan pentadbiran kehakiman dapat dilaksanakan meskipun keadaan semasa pandemik COVID 19 semakin menular dan meningkat naik di Malaysia.

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 7 Oktober 2020**